



SIARAN AKHBAR

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI DAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

1. Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Pasukan Polis Diraja Brunei telah menahan empat individu diatas kesalahan menerima deposit tanpa lesen dibawah Bab 93 Perintah Perbankan, 2006 yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak melebihi \$10,000,000 atau kedua-duanya sekali.
2. Siasatan awal melalui kerjasama diantara agensi-agensi berkenaan menunjukkan individu-individu tersebut telah mengumpul jumlah wang yang banyak melalui promosi satu platform dagangan emas yang dikenali sebagai Dinar Dirham. Individu tersebut menyatakan bahawa peserta akan menerima pulangan diantara 8 - 15% sebulan. Memandangkan penyiasatan sedang dilaksanakan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk membantu pihak Polis dan berkerjasama dalam penyiasatannya.
3. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengesahkan bahawa Dinar Dirham dan entiti yang berkaitan dengannya tidak dilesenkan di Brunei Darussalam untuk menawarkan perkhidmatan kewangan.
4. AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk terlebih dahulu mengesahkan kesahihan skim-skim pelaburan yang ditawarkan dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada melabur di dalam skim tersebut. Jika syarikat tersebut berada di luar Negara, orang ramai dinasihatkan untuk memastikan dengan pihak berkuasa di luar negara samada ianya dilesenkan.
5. AMBD ingin sekali lagi mengingatkan bahawa pengguna kewangan yang ingin melibatkan diri dalam skim-skim pelaburan yang tidak dilesenkan oleh AMBD, pengguna kewangan tersebut tidak akan dilindungi di bawah rangkakerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD. Rangkakerja penyeliaan AMBD adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur dengan memastikan hanya institusi/ individu yang berkelayakan boleh memberikan perkhidmatan kewangan kepada orang ramai.
6. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 10 Safar 1438/ 10 November 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3